

Kepentingan mentoring guru novis

UB 08-08-2012 B4



MINDA PENDIDIK

SHUKRI ZAIN

Bersama Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Abdul Said Ambotang, Roslee Talip dan Muhamad Suhaimi Taat

SECARA teoritikal, guru novis lazimnya dikaitkan dengan guru baru. Baru itu bukan berdasarkan faktor umur semata-mata, tetapi menjangkau elemen-elemen

khusus tentang pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan ikhtisas. Pada hari ini bukan suatu yang asing apabila mekanisme pengambilan dalam latihan pendidikan guru turut melibatkan calon guru berusia kerana pada asalnya mereka datang daripada latarbelakang bukan guru. Oleh itu citra guru novis merentas faktor-faktor demografi khusus seperti usia, jantina, norma dan budaya serta disiplin akademia. Perhatian dan tindakan strategik kepada guru novis di sekolah kelihatan lebih berbentuk pentadbiran. Pengurusan sekolah berpendapat dengan memberi tugas dan pertanggungjawaban merata daripada rutin sekolah, maka guru novis dianggap telah diberi pendedahan kepada peningkatan diri dalam bidang kurikulum, kokurikulum dan rutin sekolah. Persoalannya memadaikah dengan sekadar memberi pertanggungjawaban, selebihnya guru novis dibiarkan belajar mengadaptasi pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan mengikut cara mereka sendiri. Kelihatannya mereka dikesampingkan daripada bimbingan secara mentoring atau adult coaching. Di Amerika Syarikat, ramai guru novis yang walaupun penuh dengan semangat tetapi tidak kekal lama dalam profesion ini. Kajian menunjukkan bahawa 17% guru meninggalkan perofesional ini selepas mengajar setahun, 30% berbuat demikian selepas dua tahun, 40% selepas tiga tahun, 50% selepas lima tahun, dan 80% selepas 10 tahun. Malah kajian juga menunjukkan 80% daripada guru yang telah menerima mentoring akan kekal di profesion ini sekurang-kurangnya 10 tahun. National Center for Education Statistics merumuskan bahawa hubungan mentoring memainkan peranan yang kritikal dalam memberi sokongan, latihan dan mengekalkan guru novis dalam profesionnya.

Orientasi merupakan salah satu pendekatan pengurusan bagi menambah nilai guru novis. Orientasi bagi guru-guru novis berharga dan ia memberi peluang kepada mereka mengenali sekolah secara lebih dekat serta memahami tanggungjawab yang bakal mereka laksanakan. Walaupun pendidikan perguruan di Malaysia agak mantap dan guru-guru pelatih telah melalui latihan yang komprehensif, namun guru-guru baru masih perlu diberi peluang berterusan mempertingkatkan profesionalisme serta menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah baru mereka. Nilai dan budaya sesebuah sekolah adalah berbeza dan menuntut pembelajaran organisasi berterusan dalam kalangan guru novis. Malah guru sedia ada dan lama dalam perkhidmatan sekalipun akan kembali menjadi novis apabila berpindah ke sekolah baru. Tiada suatu yang kekal dalam persekitaran sedia ada tanpa pengaruhan baru yang mendistribusikan nilai dan budaya sedia ada di sekolah khususnya. Ini bermakna prinsip pembelajaran norma dan budaya sekolah adalah suatu proses berkesinambungan tanpa limitasi formula beku tertentu. Hanya guru katak di bawah tempurung sahaja yang leka cuaca dalam zon sempit selesa merasai diri sangat hebat. Sedang di luar tempurung ilmu dan keilmuan terus berkembang menuntut globalisasi minda, jiwa dan dogma. Terlalu lama guru dalam ‘tempurung’ sama tanpa hijrah diri sebenarnya menjadikan mereka susut nilai ke tahap tabularasa.

Jagoan glokal yang tiada kesedaran ke arah kedewasan waras.

Program orientasi merupakan titik permulaan bagi guru untuk menyesuaikan diri di samping merancang strategi bagi menghadapi pelbagai masalah yang biasanya dialami oleh guru baru dan guru lama dalam persekitaran baru. Pelbagai masalah dihadapi oleh guru novis berpunca dari kejutan realiti. Antara masalahnya ialah seperti pengawalan disiplin, motivasi pelajar, perhubungan dengan ibu bapa, kekurangan alat bantu serta penilaian kerja pelajar. Masalah-masalah profesionalisme ini sebenarnya boleh diatasi dengan membuat persiapan rapi oleh kedua-dua pihak iaitu guru serta pihak pengurusan sekolah.

Selain itu, sokongan psikologi merupakan keperluan personal dan emosional yang utama kepada guru novis. Sokongan jenis ini menghapuskan perasaan ‘dipulaukan’ atau kesunyian guru novis dengan memberi sokongan moral dan saranan konstruktif kepada mereka untuk menghadapi permintaan dan jangkaan yang keterlaluan daripada pelajar-pelajar, ibu bapa dan pihak sekolah. Manakala sokongan hubungan secara terarah (instruction-related support) wajar dimanfaatkan oleh pengurusan sekolah ke atas guru novis di sekolah. Instruction-related support membimbing guru novis melalui pelbagai tugas dan masalah, yang kemudian akan dianggap sebagai aktiviti aktiviti standard yang berkaitan dengan pengajaran yang pada mulanya dianggap sebagai halangan oleh guru novis. Sokongan ini berfokus pada pengajaran dan pembelajaran, dari lokasi bahan ke sumber lain yang berada di sekolah, mengorganize ruang bilik darjah dan menambahkan strategi instruksional.

Bagi menjayakan misi mentoring dalam kalangan guru novis dengan efektif maka standart kriteria mentor perlu dititikberatkan secara serius oleh pengurusan sekolah. Seorang mentor adalah seorang guru veteran yang akan membimbang serang guru novis dalam bilik darjah. Pada masa dahulu, guru novis hanya memerhati, tetapi, hari ini, guru novis digalakkan untuk menyertai dengan aktif dan berfikiran kritis. Peranan mentor telah berubah dari peranan sebagai penasihat atau penyelesaikan masalah kepada pendengar dan model kepada pemikiran reflektif. Kajian yang dijalankan ke atas guru-guru novis menunjukkan bahawa mereka meletakkkan ‘emotional support’ yang akan mengurangkan perasaan sunyi mereka sebagai faktor membantu yang paling utama dalam pembangunan mereka.

Konteks pembangunan sumber manusia mentafsirkan bahawa mentoring guru novis boleh meningkatkan motivasi pelajar dan kemahiran berfikir kritis mereka. Secara keseluruhannya, langkah-langkah strategik implementasi mentoring merumuskan bahawa mentor memainkan peranan yang penting bukan sahaja dalam membantu seseorang guru novis untuk membangunkan kompetensi tetapi mengekalkan semangat dan minat mereka dalam profesion secara pragmatik.